

31/01/2000

Sektor pertanian perlukan suntikan korporat

Abdul Razak Jaafar

ALAF baru menjadi peralihan perubahan paradigma yang penting bagi pembangunan pertanian di negara ini. Sektor pertanian perlu digerakkan dengan lebih berkesan dan berwibawa. Saintis pertanian perlu membuat lonjakan besar bagi menghasilkan kajian pertanian yang boleh dikemukakan kepada ahli perniagaan untuk tujuan komersil.

Apabila ini terbukti berjaya, maka ia bukan saja akan mengharumkan nama Malaysia, malah kewibawaan pengkaji pertanian tanah air. Bidang bioteknologi misalnya boleh diterokai untuk menjadi sumber eksport pada masa hadapan. Sesungguhnya sektor pertanian perlu digerakkan dengan lebih berkesan kerana ia adalah sektor penyumbang yang penting bagi ekonomi negara ini setelah begitu lama. Sumbangan sektor pertanian perlu pengiktirafan sewajarnya.

Dengan peruntukan belanjawan lebih RM32 billion bagi tahun 2000 dan bayangan bil import makanan sebanyak RM10.52 bilion tahun lalu berbanding RM5.82 bilion pada tahun sebelumnya, masyarakat tani iaitu petani, penternak dan nelayan dan keluarga masing-masing mengharapkan supaya alaf baru ini turut mendatangkan banyak kemanfaatan kepada mereka.

Sektor pertanian memerlukan suntikan korporat yang dapat membawa sektor ini ke era yang lebih berjaya, terutama bagi menghadapi cabaran Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menekankan kepada kecekapan dan kawalan kos pengeluaran. Ini bermakna pasaran bebas mudah menguasai hasil pertanian kita jika kita tidak bersedia dari sekarang menghasilkan bahan pertanian yang bermutu dan harga yang berdaya saing.

Harapan positif ini dibuat berlatar belakang Dasar Pertanian Negara (DPN) yang secara amnya belum begitu berhasil dalam menggalakkan pertumbuhan industri makanan seperti beras misalnya. Kita semua sedar bahawa kawasan sawah terbiar semakin luas saban tahun, sedangkan keperluan beras semakin meningkat sejajar dengan peningkatan jumlah penduduk negara. Sehubungan itu, kos pengeluaran padi tempatan juga agak tinggi berbanding dengan kos mengimport beras.

Dengan peningkatan import beras yang menelan belanja purata RM400 juta setahun dan dijangka terus meningkat pada masa akan datang, sudah tentu ia boleh menjejaskan imbalan pembayaran negara kita. Oleh itu, kajian ke arah meningkatkan penghasilan padi sehektar sehingga 12 metrik tan sehektar misalnya perlu diberikan perhatian yang serius sebagai satu usaha menambah penghasilan padi dan mengurangkan pengimportan beras.

Dalam hal ini, tanah sawah terbiar di dalam kawasan 'hijau' bolehlah dipulihkan semula dengan menggunakan kaedah yang moden, baja yang lebih baik, pengurusan sawah yang cekap, pencegah serangga yang lebih berkesan dan penghasilan yang tinggi. Dengan itu, kawasan tanah sawah terbiar yang terletak di luar kawasan hijau seperti di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor misalnya bolehlah dibaik pulih dengan tanaman lain yang mendatangkan hasil yang lebih baik.

Begitu juga dengan keperluan ikan yang mana statistik menunjukkan bahawa kita terpaksa menambah jumlah bahan protein itu yang diimport bagi memenuhi keperluan penduduk.

Di samping itu, ada ramai suri rumah mendakwa bahawa ikan yang mereka beli di pasar itu kebanyakannya sudah ditangkap lebih sebulan lalu yang disimpan di dalam peti ais dan mengalami proses penghantaran yang berperingkat. Dalam pada itu, menjadi satu hakikat bahawa peraih kita lebih sanggup menjual ikan yang segar dan bermutu ke Singapura daripada

memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Memanglah benar jika dilihat dari aspek untung rugi perniagaan bagi peraih itu melakukan demikian kerana untungnya berlipat kali ganda jika dijual di pasaran tempatan. Tetapi masalahnya ialah pengguna tempatan sendiri `terliur' daripada menikmati ikan lebih segar. Bak kata pepatah `kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan.'

Begitu juga dengan penghantaran beribu-ribu bakul sayuran segar yang lebih kerap meluncur laju ke `Temasik' daripada memenuhi pasar di tanah air kerana sebab-sebab serupa. Akibatnya terjadilah bekalan yang berkurangan dan dengan itu mewajarkan peningkatan harga sayur-sayuran. Kadangkala harganya menjadi begitu memeranjatkan apabila tiba musim hujan.

Di samping import ikan, kita mengimport daging lembu dengan banyaknya. Peningkatan kemasukannya juga agak membimbangkan kerana dikhuatiri satu hari nanti kita terpaksa bergantung sepenuhnya kepada daging yang dibekukan yang sememangnya lebih murah harganya dari harga daging tempatan. Malaysia mengimport lembu bernilai purata RM20 juta setahun dan dijangka meningkat pada masa akan datang.

Jika dilihat seimbias lalu, faktor yang menyebabkan kita menghadapi keadaan terlalu bergantung kepada bahan pertanian yang diimport ialah kerana kos pengeluaran tempatan terlalu tinggi yang berkait rapat dengan kos bahan input seperti baja pencegah serangga dan tenaga buruh.

Demikianlah sekelumit masalah yang sedang melanda sektor pertanian Malaysia pada masa ini. Rasanya, masalah dalaman ini perlu diatasi supaya ia dapat menjadi pemangkin pula kepada hasrat kita menjadi negara pengeksporth bahan pertanian, suatu masa nanti.

Seperti Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi baru-baru ini, Kementerian Pertanian mempunyai dua wawasan untuk dilaksana dan dipenuhi, dalam DPN Ketiga. Wawasan pertama ialah menarik minat pelabur untuk melabur dalam bidang pertanian terutama sumber pertanian yang baru yang kita mempunyai kelebihan; dan kedua ialah meningkatkan pengetahuan sains dan teknologi dalam bidang pertanian ke arah meningkatkan taraf hidup petani dan nelayan di negara ini.

Pada masa lalu, pelabur tidak begitu yakin untuk melabur dalam bidang pertanian kerana potensinya tidak begitu meyakinkan. Untuk menjamin kejayaan sesuatu projek pertanian, mereka memerlukan kajian yang lebih mendalam sebelum benar-benar bersedia membuat pelaburan. Ini bagi mengelakkan mereka mengalami kerugian apabila projek itu dijalankan. Kesangsian terhadap potensi pertanian inilah yang menyebabkan perkembangan pertanian negara agak lembap dan tidak begitu ketara.

Bagaimanapun, keadaan ini dijangka berubah berikutan langkah positif kerajaan bagi mengatasi masalah berkenaan. Misalnya, nilai ditambah bagi bahan pertanian-perusahaan seperti kelapa sawit, getah, koko dan hasil perhutanan, dijangka meningkat daripada RM11.6 juta pada 1995 kepada RM13.3 juta pada tahun 2010 seperti yang dinyatakan dalam DPN ketiga.

Dasar ini juga menyatakan bahawa sumber pertanian yang dinyatakan akan terus diberi galakan dari segi infrastruktur, kajian dan pembangunan, perkhidmatan sokongan dan sumber manusia. Dengan itu, industri berasaskan pertanian akan dipastikan mendapat bekalan bahan untuk jangka masa panjang termasuk bagi tujuan eksport. Apabila Effendi menyatakan baru-baru ini bahawa satu Majlis Penyelaras Pertanian yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan diwujudkan bagi memastikan pembangunan era pertanian yang lebih terarah, ia membuktikan kesungguhan kerajaan bagi memastikan peranan pertanian yang lebih bermakna dalam arus pembangunan negara.

Dalam hal ini, semua pihak yang terbabit dalam pembangunan pertanian, sama ada agensi kerajaan dan swasta dapat bersama-sama membuat pelarasan aktiviti, ke arah satu matlamat yang sama.

Kita baru saja melangkah ke alaf baru dan sektor pertanian telah pun dibayangi dengan arus kemajuan yang pesat dan membanggakan. Apa yang penting ialah kemajuan atau pembangunan pertanian Malaysia akan lebih tersusun dan terarah, demi membaik pulih martabatnya sebagai penyumbang kepada kemajuan negara.

Malaysia telah membuktikan keupayaannya dalam era perindustrian dengan menjadi pengeksport utama dunia dalam bidang barangan elektronik dan semikonduktor Malaysia juga boleh membuktikan keupayaannya membangunkan sektor pertanian dengan menggunakan teknologi dengan kerjasama erat antara kerajaan dan swasta.

(END)